

03/09/1997

Mengingati jerih-perih pejuang silam

TARIKH 31 Ogos lalu adalah hari keramat bagi rakyat Malaysia kerana memperingati ulang tahun ke-40 negara dibebaskan daripada penjajahan. Usia 40 tahun adalah jangka waktu yang singkat bagi sejarah satu bangsa atau negara. Namun banyak yang sudah kita lalui kerana tuntutan dunia yang kian berubah dan mencabar. Sesuai dengan suasana kini, mungkin pekikan merdeka juga sudah usang bunyinya, kerana bagi sesetengah orang yang ghairah mengejar kemajuan, asas mencapai kemerdekaan sudah mulai dilupakan.

Kemerdekaan memulakan segala-galanya terutama bagi orang Melayu, sebagaimana yang sering diingatkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perlu wujud semangat kebangsaan Melayu bersatu, jika tidak, kita berpecah mengikut negeri masing-masing. Sebaliknya, dengan adanya negeri Melayu berdaulat di bawah sultan masing-masing yang menjadi satu pihak dalam persetujuan yang melahirkan Persekutuan Tanah Melayu, memberi legitimasi kepada hak istimewa Melayu, membolehkan Islam menjadi agama rasmi, serta bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi dan sebagainya.

Pendek kata, warisan negeri Melayu adalah ciri kesinambungan pembentukan negara persekutuan yang kemudian menjelma menjadi Malaysia pada September 1963, iaitu tidak mengubah asas persekutuan yang terbentuk pada 1957. Tetapi bagi pembentukan negara baru dan terpaksa mengambil kira apa yang terbentuk selama hampir seratus tahun di bawah penguasaan kuasa kolonial, ciri warisan terpaksa disesuaikan dengan realiti baru.

Perjuangan memerdekakan diri bagi orang Melayu bukan sesuatu yang enteng, kerana harus menempuhi liku yang dihadirkan oleh faktor kolonial. Mungkin mempersekutukan negeri Melayu dalam satu persekutuan tidak menjadi masalah kerana di bawah pemerintahan kolonial pun negeri Melayu mengalami struktur persekutuan seperti Negeri Melayu Bersekutu, iaitu Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang.

Yang dikatakan negeri Melayu tidak bersekutu, iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor, sebenarnya juga dirangkai dari segi pentadbirannya oleh penasihat Inggeris yang bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi British. Cuma dalam hal agama dan adat resam, pada teorinya terletak kepada raja Melayu, tetapi realitinya, pengaruh kuasa British memainkan peranan, misalnya menentukan kenaikan takhta sultan sendiri.

Dalam pembentukan Malayan Union dan seterusnya Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikannya pada 1948, Pulau Pinang dan Melaka dimasukkan walaupun kedua-duanya adalah tanah jajahan Inggeris yang asalnya kepunyaan Melayu juga. Singapura, iaitu anggota ketiga dalam rangkaian Negeri Selat kekal di bawah pemerintahan Inggeris. Pulau itu kemudian memasuki Persekutuan Malaysia bersama dua lagi jajahan Inggeris di Pulau Borneo, Sabah dan Sarawak. Atas sebab corak politik yang dominan ketika itu, yang belum terlepas daripada perhitungan politik kaum, Singapura keluar daripada Malaysia dan menjadi negara yang merdeka.

Politik kemerdekaan, walaupun tidak melalui revolusi berdarah seperti Indonesia, tidak kurang hebatnya kerana ia menuntut pemerahan tenaga dan pemikiran menyelesaikan persoalan dan cabaran. Faktor penduduk pendatang warisan kolonial adalah cabaran paling besar bagi politik Melayu ketika itu, mengatasi masalah dalaman orang Melayu sendiri seperti kemiskinan atau pertelingkahan antara golongan sendiri.

Dalam penentangan terhadap Malayan Union, bukan saja persatuan Melayu

kenegerian berpadu tenaga, malah organisasi yang ikatannya berdasarkan idealisme atau ideologi ikut serta, kerana gagasan Inggeris itu dilihat sebagai ancaman yang akan menghapuskan keistimewaan Melayu di tanah air sendiri. Isu seperti kerakyatan jus soli atau penurunan martabat raja Melayu di negerinya sehingga dikhuatiri hal-ehwal agama akan terlepas kepada kekuasaan pegawai Inggeris membawa orang Melayu bersatu di bawah Umno.

Namun selepas berjaya menumpaskan Malayan Union, Umno terpaksa menilai dirinya semula dari segi perjuangannya untuk masa depan. Persoalan kehadiran kaum mendatang sudah mendapat perhatian Umno sejak awal lagi. Pendirian Umno pada waktu itu ialah penduduk tetap kaum pendatang cuma diberi kerakyatan. Gagasan Umno pada 1949 untuk membuka pintu kepada orang bukan Melayu sebagai ahli bersekutu bukanlah sesuatu yang popular di kalangan ahli Umno walaupun diterima oleh Perhimpunan Agung.

Datuk Onn selaku Yang Dipertua Umno ketika itu mencadangkan supaya sesiapa saja yang menumpahkan taat setianya kepada negara harus diberi taraf kebangsaan tidak setakat diakui kerakyatannya. Sebenarnya gagasan ini adalah hasil perundingan Jawatankuasa Perhubungan Kaum yang tidak rasmi yang ditubuhkan atas daya usaha Malcom MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi British di Asia Tenggara (lihat John Fusnton, Malay politic in Malaysia, hal. 82).

Walaupun Umno masih memberi kepercayaan kepada Datuk Onn sebagai pemimpinnya, namun gagasan beliau mendapat tentangan di kalangan Umno. Kepercayaan Datuk Onn bahawa Tanah Melayu akan cepat mencapai taraf pemerintah sendiri dengan wujudnya penyertaan kaum lain yang bermastautin mendorong beliau membuat gagasan supaya Umno membuka pintu keanggotaannya kepada bukan Melayu pada penghujung 1950. Gagasan beliau akhirnya ditolak oleh ahli Umno dan akhirnya beliau meninggalkan Umno untuk menubuhkan parti barunya, Independence of Malaya Party (IMP).

Sebenarnya banyak faktor yang memainkan peranan dalam episod itu, tidak kurang tangan tersembunyi pihak British yang ingin mengarah perkembangan politik negara mengikut lunas pemikiran mereka yang zahir dalam bentuk Malayan Union dulu. Tetapi kita lihat hasrat Datuk Onn menggembelng tenaga berbilang kaum dalam satu parti politik, gagal sama sekali. IMP tidak hidup lama kerana sokongan yang dijangka datang daripada kaum bukan Melayu tidak menjadi.

Kerjaya politik Datuk Onn selanjutnya ialah menubuhkan Parti Negara pada 1954. Perjuangannya berputar semula kepada zaman awal penubuhan Umno iaitu memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu. Kali ini kuasa yang ditentanginya bukan lagi British yang mengancam kedudukan Melayu, tetapi secara tidak langsung dominasi ekonomi kaum lain, yang dianggap orang asing. Tetapi pada peringkat perkembangan politik Melayu yang dicapai Umno ketika itu terutama dalam usaha meningkatkan pelajaran dan ekonomi, Parti Negara tidak mendapat sokongan orang Melayu. Walaupun IMP cuma dibubar pada 1967, selepas lima tahun Datuk Onn kembali ke rahmatullah, usaha mencari sokongan Melayu atas dasar perjuangan yang sama dengan Umno gagal. Pas pada ketika itu menggunakan agama, satu tenaga yang tidak dapat dikesampingkan dalam politik Melayu, berjaya menyaingi Umno hingga kini, walaupun pengaruhnya terhad di negeri Melayu di utara dan Pantai Timur.

Lebih 40 tahun sekarang peristiwa itu berlaku dalam politik orang Melayu. Dalam masa itu banyak berlaku dan banyak pula perubahan. Selama ini konsep Perikatan parti yang berlandaskan kaum diganti kemudiannya oleh Barisan Nasional (BN) berjaya mengemudi negara ke arah keharmonian masyarakatnya dan kejayaan ekonomi cemerlang.

Namun, struktur politik yang berlandaskan perjuangan kaum masing-masing nampaknya masih diperlukan seperti yang disebut Dr Mahathir dalam pertemuan parti komponen BN baru-baru ini. Perdana Menteri meletakkan

kejayaan BN kepada semangat memahami dan menghormati pandangan masing-masing dalam apa yang dikatakan 'perkongsian bijak'. Tetapi dalam pada itu, keperluan menghayati peruntukan yang membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957 dan diikuti persetujuan pembentukan Persekutuan Malaysia pada 1963, tidak dapat dikesampingkan begitu saja.

Persoalan yang timbul baru-baru ini harus memperingatkan kita, 40 tahun belum lagi boleh mengubah struktur dasar politik kita walaupun kita ghairah mengejar kemajuan. Penggunaan pasport memasuki Sabah dan Sarawak, peraturan yang dikenakan kepada peguam Semenanjung menjalankan kerja di negeri itu, atau penyelarasan undang-undang Islam di semua negeri Melayu bersultan adalah contohnya.

Soal bahasa Melayu dan Malaysia juga ditimbulkan oleh Perdana Menteri dalam konteks apa yang ditakrif beliau pembentukan 'bangsa Malaysia'. Bagi saya selagi kita melihat Malaysia sebagai 'negara bangsa', tidak timbul persoalan 'bangsa Malaysia' lagi. Secara dalaman struktur politik kita terbahagi kepada negeri bersekutu dan suku kaum yang mempunyai budaya, agama, kepentingan dan aspirasi masing-masing. Berkenaan bahasa Melayu atau bahasa Malaysia, kita tidak perlu melihat Indonesia saja, tetapi lihat negara lain yang sudah lama wujud. Amerika ada bahasa Inggerisnya, sementara Cina ada bahasa Mandarinnya. Oleh itu tidak timbul soal penentangan terhadap hasrat Dr Mahathir dalam penggunaan bahasa Melayu dan bukan bahasa Malaysia untuk negara ini. (Sunday Star, 10.8.97).

Dalam kita menyambut kemerdekaan ke-40 ini, elok kita meninjau kembali perjuangan memerdekakan negara dan perhitungan yang terpaksa dilakukan bagi mencapai cita-cita membentuk negara bangsa yang boleh memberi kesatuan dan keharmonian kepada politik yang sememangnya terbahagi kepada pelbagai perbezaan sosial. Dalam bingkai politik sedemikianlah patut kita usahakan pencapaian sosioekonomi seperti yang diilhamkan Dr Mahathir dalam Wawasan 2020-nya.

(END)